# PANDUAN PENGGUNA

# ANTARAMUKA BERPUSAT ezHASiL

## - ezHASiL -

# ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A: PENGENALAN ........ 3
1.1 Tujuan ........ 3
1.2 Keperluan Sistem ........ 3
1.3 Penyenggaraan Pelayar Web ........ 3
BAHAGIAN B: AKSES KE LAMAN WEB ezHASiL ........ 4
BAHAGIAN C: MODUL PENGGUNA ezHASiL ........ 5
1.1 Log Masuk ........ 5
1.2 Laman Profil ........ 6
1.3 Penyelenggaraan Sijil Digital ........ 7
1.4 My Tax ........ 8

# BAHAGIAN A: PENGENALAN

## 1.1 Tujuan

Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan ringkas kepada pengguna yang ingin menggunakan sistem ezHASiL- Antaramuka Berpusat.

## 1.2 Keperluan Sistem

| Keperluan | Butiran |
|---|---|
| Komputer/Prosesor | Sekurang-kurangnya Intel Pentium® III ke atas |
| Memori | Sekurang-kurangnya 128 megabait (MB) |
| Sistem Pengoperasian | Sekurang-kurangnya Microsoft Windows 7 (Service pack terkini), Linux dan Macintosh |
| Pelayar Web<br>Microsoft Internet Explorer 11.0 atau ke atas<br>Microsoft Edge<br>Mozilla Firefox 44.0<br>Google Chrome 46.0<br>Safari 5 | Enkripsi 128-bit |
| Sijil Digital e-Filing | |
| Talian Internet | Keutamaan berkelajuan 512Kbps ke atas |
| Adobe Reader | Untuk mencetak Semakan Pengesahan dan Panduan Pengguna |

## 1.3 Penyenggaraan Pelayar Web

Bagi menggunakan ezHASiL sistem, anda dikehendaki untuk menyenggara tetapan di Pelayar Web anda. Sila ikuti langkah-langkah berikut :

| | |
|---|---|
| Internet Explorer | Ke Tools -> Internet Options -> Privacy -> Pop-up Blocker. Klik pada kotak "Turn On pop-up Blocker" untuk membuang tanda √. |
| Microsoft Edge | Ke Settings -> Advanced Setting -> View Advanced Setting -> Block pop-ups. Klik butang untuk menukar paparan kepada "OFF". |
| Mozilla Firefox | Ke Menu -> Options -> Content -> Pop ups. Klik pada kotak "Block pop-up windows" untuk membuang tanda √. |
| Google Chrome | Ke Settings -> Privacy -> Contents settings -> Pop-ups. Klik pada pilihan "Allows all sites to show pop-ups". |
| Safari | Ke Settings. Pilih "Block Pop Up Windows" untuk membuang tanda √. |

# BAHAGIAN B: AKSES KE LAMAN WEB ezHASiL

Layari laman web rasmi ezHASiL di pautan **https://ez.hasil.gov.my/.**



# BAHAGIAN C: MODUL PENGGUNA ezHASiL

## 1.1 Log Masuk

Fungsi ini digunapakai oleh pengguna samada individu atau organisasi. Setiap pengguna mestilah mengaktifkan No.PIN dahulu pada **Login Kali Pertama** bagi memperoleh sijil digital terlebih dahulu.

i. Layari pautan https://ez.hasil.gov.my/.




ii. Masukkan No.Pengenalan dan juga Kata Laluan yang tepat, dan klik butang Hantar. Sistem ezHASiL akan memaparkan skrin senarai Perkhidmatan seperti di bawah.




iii. Sila buat pilihan perkhidmatan.

## 1.2 Laman Profil

Pengguna akan dipaparkan skrin Perkhidmatan apabila telah berjaya log masuk sistem ezHASiL.




i. Untuk melihat Profil, klik menu Profil. Sistem ezHASiL akan memaparkan skrin Profil.




ii. Di skrin Profil, sistem ezHASiL akan memaparkan maklumat:

a. **Maklumat Asas** – Nama, No.Rujukan, No. Cukai Pendapatan, Alamat, No.Telefon, No. Telefon Bimbit dan Alamat Emel.

b. **Sijil Digital Individu** – Status Sijil dan Tempoh Sijil.

c. **Sijil Digital Organisasi –** Status Sijil dan Tempoh Sijil.

i. **Maklumat Organisasi** – Bilangan, Nama, No. Rujukan (No. Pendaftaran), No. Cukai Pendapatan, Status dan Tarikh Daftar.

**NOTA**: Individu yang memiliki sijil digital individu dan juga Organisasi hanya akan dapat melihat maklumat kedua-dua jenis sijil apabila kata laluan yang digunakan adalah sama bagi kedua-dua jenis sijil.

## 1.3 Penyelenggaraan Sijil Digital

Penyelenggaraan Sijil Digital membenarkan Pembayar Cukai menukar kata laluan sedia ada kepada yang baharu.




i. Klik menu Penyenggaraan Sijil Digital. Sistem ezHASiL akan memaparkan skrin Tukar Kata Laluan seperti di bawah.




ii. Pilih Jenis Sijil Digital yang berkaitan. Jika anda mempunyai jenis Sijil Digital Individu dan Sijil Digital Organisasi, pilihan Jenis Sijil Digital akan kelihatan.

iii. Masukkan Kata Laluan semasa.

iv. Masukkan Kata Laluan yang baru. Untuk melihat kriteria keselamatan, sila klik icon ⓘ. Sistem ezHASiL akan memaparkan kriteria keselamatan seperti di bawah:

   a. Minimum 8 dan maksimum 12 aksara
   b. Minimum 1 huruf besar
   c. Minimum 1 huruf kecil
   d. Minimum 1 angka
   e. Aksara khas/Simbol tidak dibenarkan

v. Masukkan Kata Laluan yang baru semula.

vi. Klik butang Hantar.

## 1.4 My Tax

Fungsi MyTax digunakan bagi pembayar cukai untuk melihat inbox yang dihantar oleh sistem ezHASiL.




i. Klik menu MyTax. Sistem ezHASiL akan memaparkan skrin MyTax seperti di bawah.




ii. Skrin MyTax adalah *Digital Mailbox* Pembayar Cukai. Ia merupakan salah satu medium komunikasi LHDNM dengan Pembayar Cukai.